

29/03/2001

Fadzil dakwa tidak tahu fatwa 1986

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor mahu Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan semula fatwa berhubung percanggahan Amanat Haji Hadi dengan ajaran Islam yang dikatakan pernah diputuskan pada 1986.

Beliau yang terus mempertahankan amanat itu serta keputusan Pas tidak akan menariknya balik, mendakwa tidak tahu menahu mengenai keputusan yang dikatakan pernah dikeluarkan pada 1986 itu.

Fadzil yang ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini, juga mahu Majlis Fatwa Kebangsaan membuktikan aspek mana kandungan Amanat Haji Hadi yang dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam.

Semalam, Setiausaha Biro Hal Ehwal Islam dan Pembangunan Sosial Umno Terengganu, Datuk Shafie Daud, berkata badan perhubungan Umno negeri itu mempunyai bukti kukuh menunjukkan Amanat Haji Hadi bercanggah dan menyeleweng.

Mengenai penangguhan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas bagi membincangkan persiapan pertemuan perpaduan Melayu, semalam, Fadzil berkata, mesyuarat itu ditangguhkan kerana seorang ahli jawatankuasa itu masih berada di luar negara.

Beliau berkata, Pas juga tetap dengan keputusannya supaya Umno memenuhi terlebih dahulu baki dua syarat yang dikemukakan sebelumnya sebelum pertemuan perpaduan Umno-Pas diadakan.

Syarat itu ialah royalti minyak dikembalikan kepada kerajaan Terengganu dan akhbar rasmi Pas, Harakah dibenar diterbitkan dua kali seminggu semula.

Dalam perkembangan lain, Mursyidul Am, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, Umno perlu memberanikan diri untuk menggunakan Islam sebagai dasar pemerintahan jika parti itu benar-benar ikhlas mahu perpaduan berlaku di kalangan orang Melayu.

Menurutnya, saranan Dr Mahathir supaya Umno dan Pas seiring dalam mempertahankan kedaulatan orang Melayu sudah lama dikemukakan Pas, dengan syarat Islam diterima sebagai dasar.

"Dalih yang mengatakan Islam ini melampau, ekstrim dan keras kepala tak akan timbul jika Umno berani menggunakan Islam sebagai dasar," katanya.

(END)